

Kajian Kefahaman & Penghayatan Penjawat Awam di Kelantan Terhadap Prinsip UMI

Study of Understanding & Acknowledge of Civil Servants in Kelantan Towards the Principle of UMI

Nur Aina Mardhiah Che Rahim¹, Noor Fatimah Mujahid², Amrina Rasyada Kamaruzaman³ & Nurul Widad Fitri Muhammad⁴

¹ (Corresponding Author) Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: n.ainamardhiah11@gmail.com

² Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail : noorfatimahmujahid@gmail.com

³ Department Al-Quran and Hadis, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: amrina.rasyada93@gmail.com

⁴ Department of Syariah, Faculty of Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College, 15730, Malaysia, e-mail: widadfitri@gmail.com

ABSTRAK

Islam telah meletakkan garis panduan terhadap wanita dalam berkerjaya agar tujuan dan maksud nilai hidup dapat dizahirkan dengan jelas. Sejak dengan itu, Kerajaan Negeri Kelantan melalui model pentadbiran awam iaitu Membangun Bersama Islam (MBI) yang telah dilaksanakan sejak tahun 1990 hingga kini. Kerajaan Negeri Kelantan telah menerapkan prinsip UMI ('Ubudiyyah, Mas'uliyyah, dan Itqan) sebagai satu garis panduan kepada pentadbiran agensi kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan tentang isu-isu wanita yang berkerjaya dalam Islam dan hubungannya dengan prinsip UMI. Penyelidikan ini menggunakan metode kualitatif secara kepustakaan. Data didapati dari bahan-bahan bercetak seperti jurnal, akhbar dan majalah dan juga diperoleh secara temubual terhadap pegawai penyelaras prinsip UMI di agensi yang terpilih serta tokoh atau penerima Anugerah Prestasi Cemerlang. Seramai lima responden telah dipilih dalam kalangan wanita yang berkerjaya dalam bidang pentadbiran dan pengurusan. Hasil kajian ini mendapati bahawa semua responden memahami prinsip UMI dan menjadikannya prinsip UMI sebagai dasar dan tapak dalam dunia kerjaya mereka. Malah prinsip UMI banyak membantu mereka lebih berdisiplin, berdedikasi, tekun dalam melaksanakan gerak kerja. Seterusnya prinsip ini juga menjadikan wanita berkerjaya mampu membahagikan masa dengan baik antara kerjaya dan rumah tangga mereka. Sebagai kesimpulannya, jelaslah bahawa prinsip UMI memberi pendedahan dan panduan yang jelas kepada wanita berkerjaya di Kelantan.

Kata Kunci: Kefahaman; Penghayatan; Penjawat Awam; ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah, Itqan

ABSTRACT

The guidelines for career women in determining the meaning and goal of life have been apparent in Islam. Consequently, the State Government of Kelantan has been operating its agencies using “Membangun Bersama Islam (MBI)” since 1990 till now. The public administration model is based on Ubudiyyah, Mas’uliyyah and Itqan (UMI) principle. This study aims to discuss the issues faced by women in their career and how they relate to the principle of UMI. This research uses a qualitative approach and data were gathered through journals, newspapers, magazines as well as interviews with UMI’s coordinator from selected agencies and personalities or recipients of the Outstanding Performance Award. The five respondents selected for this study were civil servants from a variety of disciplines including management, and administration. Result from this study found out that the majority of career women understand the principle and base their professional lives on the principle of UMI. By putting this principle into practice, they become more conscientious, devoted and disciplined workers. Furthermore, this principle enables working women to effectively juggle their time between families and professions. In conclusion career women can clearly benefit from the UMI principle in maintaining a healthy work-life balance.

Keyword: Understanding; Acknowledge; Civil Servants; ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah, Itqan

1. Pendahuluan

Islam merupakan agama yang sempurna dan syariatnya merangkumi kehidupan individu sejak perutusan Nabi Muhammad SAW sehingga datangnya hari kiamat. Peranan lelaki dan wanita sama ada dari sudut hak, kewajipan, mahupun tanggungjawab, semuanya bertanggungjawab memakmurkan bumi dengan syariat berteraskan Islam. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أُولَئِكَ يَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُقْيِمُونَ
الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الرِّزْكَةَ وَيُطْبِعُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ أُولَئِكَ سَيِّمُهُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Terjemahan: Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain; mereka menyuruh berbuat kebaikan, dan melarang daripada berbuat kejahanan; dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat, serta taat kepada Allah

dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (at-Taubah 9: 71)

Jika dilihat senario hari ini, dunia semakin mengiktiraf kedudukan dan kepentingan wanita. Berbanding zaman dahulu, wanita dilihat sebagai golongan lemah dan lebih sesuai berperanan dalam rumah tangga sahaja. Namun perkembangan pesat dunia hari ini dalam bidang ekonomi mahupun sosial contohnya, menjadikan peranan wanita semakin penting sama ada sebagai sumber manusia atau sebagai tenaga mahir (Sharifah Hayati, 2004).

Sehubungan itu, isu wanita berkerjaya seringkali menjadi bahan buatan mahupun kajian dalam masyarakat. Ada kalangan wanita menjadikan kerjaya sebagai landasan untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan beribadah kepada Allah SWT. Namun ada juga yang menjadikan dunia kerjaya mereka sebagai alat untuk mereka bersosial sehingga boleh menjelaskan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT mahupun sebagai seorang ibu di rumah (Parizi et.al:2021). Justeru, hal ini sangat penting untuk dibincangkan agar peranan hakiki wanita dalam bidang kerjaya dan rumah tangga dipelihara dan tidak diabaikan.

Berdasarkan Manual Pelaksanaan Prinsip UMI (2020), Kerajaan Negeri Kelantan melalui dasar ‘Membangun Bersama Islam’ telah memperkenalkan prinsip UMI yang mengandungi elemen ‘Ubudiyah Mas’uliyah dan Itqan bagi memperkenalkan program Islamisasi dalam pentadbiran dan pemerintah. Ketiga-tiga elemen ini dijanakan kepada semua penjawat awam kerajaan negeri secara khusus dan kepada seluruh rakyat Kelantan amnya.

Oleh demikian, kajian ini akan mengupas isu-isu wanita yang berkerjaya dalam Islam dan hubungannya dengan prinsip UMI. Melalui kajian ini, prinsip UMI dilihat sebagai akar dan tapak yang kukuh kepada pembangunan kerjaya individu lebih-lebih lagi kepada seorang wanita yang mana mempunyai cabaran tersendiri dalam mengharungi kehidupan sebagai seorang pegawai di tempat kerja mahupun sebagai seorang isteri dan ibu di dalam rumah tangga.

1.1 Wanita dan Kerjaya

Terdapat banyak kajian yang berkenaan dengan wanita dan kerjaya dan perkaitannya dengan rumah tangga. Antaranya penilaian tentang cara pengurusan wanita bekerja di tempat kerja dan juga pengurusan rumah tangga. Menurut Noor Rahamah (2012), ramai kaum wanita bekerja menghadapi masalah dalam melakukan tugas di rumah dan juga di tempat kerja. Beban kerja yang banyak di rumah dan masalah kenaikan pangkat yang tidak adil serta rakan sekerja antara perkara yang sering menjadi isu utama kepada wanita bekerja

Naemah Hamzah (2015) menghasilkan Model Keseimbangan Kerjaya Dan Rumah Tangga Dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. Model ini terhasil setelah diambil kira aspek-aspek seperti pandangan ulama menerusi kitab turath dan kontemporari. Penelitian terhadap isu batas dan syarat wanita dalam kerjaya pula melalui kaedah pengaplikasian fiqh dalam keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang. Menurutnya, model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang yang terhasil ini terdiri daripada aspek seperti berikut iaitu berada di rumah bila perlu, jaga hak, elak perkara sia-sia, kurangkan kesibukan kerja, laksanakan tiga tanggungjawab serentak iaitu sebagai ibu, isteri dan pekerja, penjelasan bidang tugas sendiri, mengambil cuti, pastikan kestabilan rumah tangga terlebih dahulu, peruntukan masa bersama, selesaikan tugasan rumah tangga, tetap memantau dan mendidik anak, dan bawa anak ketika tugasan luar.

Kefahaman terhadap kedudukan wanita berkerjaya menurut fahaman Islam sangat perlu diterapkan. Menurut ‘Adawiyah dan Salasiah (2012), kefahaman ini sangat penting untuk dibentuk agar peranan hakiki wanita dalam rumah tangga tidak diabaikan sekaligus mampu menyeimbangkan antara kerjaya dan rumah tangga. Tambahnya, isu keberadaan wanita di tempat kerja perlu diteliti dan diperhalusi berdasarkan syarat-syarat yang digariskan oleh Islam. Antara syarat tersebut ialah pekerjaan, masa dan bidang yang sesuai, sentiasa memelihara diri, tidak bercampur antara lelaki dan wanita, mendapat keizinan suami, kerjaya dibenarkan oleh syarak, tidak menghalang memberi komitmen terhadap Allah SWT, diri dan rumah tangga, suasana selesa, aman dari fitnah dan sebagainya. Tambahnya kefahaman ini penting agar kedudukan wanita tidak disalah anggap dan saling membantu untuk mengukuhkan kemaslahatan diri, keluarga, agama, bangsa dan negara.

Di samping itu, isu kualiti pekerjaan juga perlu diambil kira agar ia mampu memberi sumbangan yang berkesan. Terdapat pelbagai tafsiran tentang definisi pekerjaan itu sendiri. Ia bukan sekadar untuk melaksanakan tanggungjawab dalam mencari sesuap nasi mahupun upah bahkan ia merupakan satu cara untuk mensyukuri nikmat Allah jika berpegang kepada prinsip-prinsip tauhid yang jelas.

Menurut Armansyah (2013), bekerja keras adalah dengan mengerahkan segenap daya dan kemampuan yang ada dalam merealisasikan setiap pekerjaan dengan baik dengan memotivasi diri untuk mendapat pahala dan pertolongan dari Allah SWT. Islam sangat memandang tinggi pekerjaan yang berkualiti berdasarkan sifat *jiddiyah* (kesungguhan) dan *itqan* (tekun) yang diterjemahkan sebagai sifat pekerjaan Tuhan (Rabbani). Hal ini disokong oleh Masitah et. al. (2019) yang mengatakan kerja yang bermutu tinggi dan cemerlang memerlukan nilai-nilai kerohanian, kebendaan dan intelektual. Nilai ini perlulah disertakan dengan menetapkan matlamat kerja yang jelas, etika bekerja, kepimpinan dan kepuasan dalam bekerja. Ini

bertepatan dengan kaedah pengurusan Islam dalam mewujudkan pekerja yang mampu melaksanakan urusan pentadbiran dan pengurusan dalam sesebuah orginasasi.

Pembahagian masa antara kerjaya dan rumah tangga merupakan isu yang menjadi cabaran untuk wanita kerjaya. Menurut Naemah (2015), tugas hakiki wanita adalah dalam rumah tangga dan wanita berkerjaya yang cemerlang akan memuliakan dan menghormati suami meskipun mereka berjawatan lebih tinggi. Faktor sokongan padu oleh individu dan persekitaran juga menjadi sebab kecemerlangan wanita dalam kerjaya di samping mempunyai kemahiran-kemahiran yang lain.

Namun begitu, wanita juga perlu mempunyai panduan yang jelas dalam pemilihan kerjaya. Hal ini bagi mengelakkan timbulnya permasalahan dalam pelaksanaan tugas wanita sebagai ibu dan isteri di rumah serta sebagai seorang pekerja di premis pekerjaan. Hal ini disokong oleh Hassan et. al. (2021), yang mendedahkan kepentingan pemilihan kerjaya menurut perspektif Islam.

1.2 Prinsip UMI di Kelantan

Prinsip Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan menjadi prinsip asas dalam dasar Membangun Bersama Islam dan dasar-dasar lain yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Dalam konteks pekerjaan dan perkhidmatan, prinsip ini diterapkan sebagai amalan khususnya bagi penjawat awam agensi kerajaan negeri. Allahyarham Tuan Guru Dato’ Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai pengasas dasar Membangun Bersama Islam, sentiasa memberi penjelasan dan penekanan tentang amalan prinsip ini melalui ucapan-ucapan beliau bersama pimpinan dan kakitangan kerajaan negeri. Bagi meneruskan lagi dasar Membangun bersama Islam, YAB Dato’ Bentara Kanan Dato’ Ahmad Bin Yakob telah mengemukakan dasar ini sebagai teras Pelan Strategik Merakyatkan Membangun Bersama Islam demi melihat penghayatan terhadap Membangun Bersama Islam terus meningkat dalam kalangan rakyat Kelantan (IPTG, 2021). Menurut Norhafilah (2015), prinsip ini menjadi tunggak perkhidmatan awam negeri dan menjadi asas dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan.

1.2.1 Pemahaman Prinsip UMI

a) Ubudiyyah

Berdasarkan buku ‘Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan ‘Ubudiyyah, Mas’uliyyah dan Itqan (2021), ibadah dari sudut bahasa bermaksud pengabdian terhadap Allah dengan penuh kecintaan dan merendah diri, mengakuiNya sebagai Tuhan yang mencipta, memiliki, mentadbir, yang hanya berhak disembah serta tidak mensyirikkan-Nya dengan sesuatu pun dalam seluruh kehidupan sama ada iktikad, lisan dan perbuatan.

Ibadah dari sudut istilah merujuk kepada semua amalan yang disukai dan diredaya Allah sama ada perkataan, amalan dan iktikad seperti solat, zakat, puasa, haji, berkata benar, menunaikan amanah, berbakti kepada ibubapa, menepati janji, amar makruf nahi mungkar, berbuat baik kepada manusia dan binatang, berdoa, berzikir, membaca al-Quran dan sebagainya (IPTG,2021).

Berdasarkan Manual Audit UMI (2020), prinsip ini menekankan sifat manusia sebagai hamba kepada Allah SWT. Maka setiap perbuatan dan pekerjaan sehari-hari manusia hendaklah selari dengan syariat yang diturunkan oleh Allah. Ia berdasarkan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Justeru, tujuan ibadah itu sendiri merangkumi seluruh aspek kehidupan termasuk tingkah laku dalam pekerjaan sama ada perbuatan, perkataan dan gerak hati (niat) yang diredaya Allah. Oleh itu, kecemerlangan dan kejayaan dalam kerjaya dan juga kehidupan ini sangat berkait rapat dengan sejauh mana kita melakukan pekerjaan itu sebaik mungkin kerana Allah.

b) Mas’uliyyah

Perkataan mas’uliyyah berasal daripada ﷺ yang memberi maksud soal. Oleh sebab itu ia dikaitkan dengan persoalan Allah SWT terhadap tugas manusia sebagai khalifah (Institut Latihan Perguruan Kelantan, 2018). Tanggungjawab berkenaan berkenaan bukan sahaja di dunia malah terdapat implikasi keakhiratan yang befsifat realistik dan benar. Dengan itu Mas’uliyyah boleh dilihat sebagai akauntabiliti yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang dikaitkan dengan kedudukan Allah sebagai pemberi tanggungjawab. Tanggungjawab ini merangkumi tanggungjawab terhadap Allah SWT, tanggungjawab terhadap diri sendiri dan tanggungjawab terhadap orang lain iaitu keluarga, majikan dan pelanggan. Konsep ini juga dikaitkan dengan soal amal syariat (ILPK, 2018). Setiap kerja perlu dilakukan dalam landasan yang telah digariskan oleh syariat.

c) Itqan

Itqan ialah prinsip yang menekankan kepada akhlak dan amalan soleh. Setiap manusia perlu bersungguh-sungguh, tekun dan memberi komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas. Ini akan melahirkan kualiti kerja yang baik dan cemerlang. Ia juga melibatkan soal keikhlasan atau mutu kerja di mana dari ajaran Islam inilah yang akan menyelamatkan manusia dunia dan akhirat (IPTG, 2021).

1.2.2 Penerapan Prinsip UMI

Penerapan prinsip UMI dilaksanakan melalui kombinasi aktiviti penerangan dan penguatkuasaan.

- a) Aktiviti memberi kefahaman melalui penerangan dan latihan. Kefahaman terhadap konsep ini telah dibentuk melalui :
 1. Kuliah berkala anjuran Jawatankuasa UMI dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK).
 2. Kursus MBI dalam Profesionalisme.
 3. Ceramah anjuran Jawatankuasa UMI di agensi-agensi Kerajaan Negeri Kelantan.
 4. Edaran Risalah tentang Prinsip UMI
 5. Usrah kakitangan anjuran agensi-agensi Kerajaan Negeri Kelantan.
- b) Penguatkuasaan
 1. Kerajaan negeri Kelantan telah menerapkan dan mengaplikasi tiga prinsip ini dalam Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan sejak 23 Januari 2008 (Kerajaan Negeri Kelantan:2013). Kod etika ini menjadi garis panduan tatakelakuan yang perlu dipatuhi oleh semua Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan (IPTG,2021).
 2. Pekeling garis panduan pemakaian patuh syariat juga telah diedarkan.
 6. Penubuhan Jawatankuasa Audit yang diketuai oleh pegawai JAHEAIK.
 3. Satu Manual Audit Prinsip UMI telah dihasilkan.
 4. Pelaksanaan audit setiap dua tahun di setiap agensi kerajaan negeri.

Jadual 1: Nilai Tatalaku Dalam Kod Etika Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan

'UBUDIYYAH	MAS'ULIYYAH	ITQAN
Ikhlas dan niat suci	Amanah,	Mahir dan Tekun,
Bersyukur,	Benar,	Komitmen,
Pengawasan Allah SWT,	Bertanggungjawab,	Cepat, Tepat dan Berkualiti Kreatif
Balasan dan ganjaran,	Kepatuhan,	dan Inovatif
Mencapai keredaan	Berdisiplin,	Bekerjasama dan Bermuafakat
Allah SWT,	Berbudi pekerti mulia	Bijaksana, Telus, Adil
Bekerja sebagai Ibadat	dan berprasangka baik	Berbudi bahasa dan berperibadi mulia

(Sumber: IPTG, 2021)

2. Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif berdasarkan analisis kandungan yang berteraskan kepada analisis dokumen media cetak mahupun media elektronik. Dari sudut pengumpulan data, kajian ini terbahagi kepada dua bentuk, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer didapati berdasarkan dari sesi temu bual yang dijalankan bersama lima orang individu iaitu salah seorang merupakan antara pencetus idea konsep UMI di Kelantan manakala empat orang individu lagi adalah pegawai dari pelbagai agensi di Kelantan yang pernah menerima ‘Anugerah Perkhidmatan Cemerlang’. Data sekunder pula merujuk kepada data kepustakaan dan dokumentasi yang terdapat dalam kajian-kajian lepas. Metode dokumentasi merupakan kaedah pengumpulan data utama kajian kami. Manakala temu bual pula merupakan kaedah sokongan kajian untuk mengukuhkan lagi beberapa penemuan data yang diperolehi dari dokumen yang telah dianalisis.

3. Perbincangan

Sejarah banyak menyebut wanita pada zaman sebelum kedatangan Islam diletakkan pada kedudukan paling bawah, dihina dan tidak mendapat tempat dalam sosiolisasi masyarakat. Mereka tidak dapat mendapat hak dan kedudukan mereka dengan adil. Pada zaman Romawi, wanita dimiliki oleh lelaki iaitu ayahnya sehingga berpindah kepada suaminya setelah berkahwin dan kemudian anak-anaknya pula mewarisi wanita itu. Begitu juga pada zaman Hindi seorang wanita itu memiliki kedudukan sebagai hamba yang terikat kepada ketaatan dan pemujaannya terhadap lelaki. Wanita itu adalah hak milik bapanya ketika dia masih anak dara, dan merupakan seorang pembantu rumah kepada suaminya ketika dia sebagai isteri, dan juga pembantu untuk anak-anaknya jika dia seorang ibu (Khadijah Sobar, 1992).

Pada zaman jahiliah juga, wanita tidak mempunyai harga dan makna bagi sesebuah keluarga. Jika lahirnya seorang anak perempuan, muka seorang ayah itu akan berubah warna akibat perasaan malu yang menebal. Malu kerana zuriat keturunannya merupakan seorang perempuan yang

dianggap lemah dan tiada fungsi malah menjadi beban yang besar kepada si ayah (Bagas Luay Ariziq, 2022).

3.1 Isu-Isu Wanita Berkerjaya Menurut Islam

Islam datang sebagai satu pembelaan dan berita gembira kepada kaum wanita kerana Islam meletakkan sesuatu dengan adil jauh sekali bersifat zalim. Dalam konteks ini, kita boleh melihat peranan dan kedudukan wanita sangat penting pada zaman dakwah baginda Rasulullah SAW sama ada yang memberi sokongan secara langsung maupun tidak langsung. Wanita diiktiraf kedudukannya malah diberi jawatan yang penting dan berkepentingan mengikut keadaan dan kesesuaianya.

Realiti dunia hari ini semakin mengiktiraf peranan dan kedudukan wanita dalam dunia kerjaya. Perubahan dalam bidang ekonomi dan sosial menjadikan peranan wanita juga semakin diperlukan. Oleh hal demikian, perubahan ini menuntut wanita menyumbang tenaga besar dalam kelompok masyarakat dan juga negara, berbeza pada zaman dahulu kerana wanita terhad berada di rumah sahaja (Naemah Hamzah: 2015). Namun begitu, setiap wanita perlu sentiasa teliti dan fahami tuntutan kerja itu haruslah bertepatan dengan syariat Islam.

3.1.1 Keharusan Bekerja bagi Wanita

Dr Yusuf al-Qaradhawi memberi penjelasan tentang hukum wanita berkerjaya dalam Islam. Dalam hal ini beliau memahamkan terlebih dahulu bagi seorang wanita apabila berkahwin, maka tanggungjawab hakiki adalah kepada suami dan anak-anak di rumah. Katanya, “kerjaya wanita yang tidak dapat disangkal lagi adalah mendidik seluruh generasi. Amanah ini disediakan oleh Allah SWT untuk wanita sama ada dari sudut mental dan fizikal. Wanita perlu sibukkan diri dalam hal ini kerana tiada sesiapa mampu mengambil alih tugas mendidik ini” (Al-Qaradhawi:1992).

Namun ini tidak bermakna pekerjaan wanita di luar rumah adalah haram. Mengikut hukum fiqh pada dasarnya setiap sesuatu itu adalah harus sebagaimana kaedah berikut:

الأصل في الأشياء الإباحة

Terjemahan: “Asal pada sesuatu perkara adalah harus” (Al-Burnu: 1996)

Kaedah asas ini menunjukkan keharusan bekerja bagi seseorang wanita. Namun ia boleh menjadi wajib jika seorang balu atau janda yang tiada sumber pendapatan dan ingin mencukupkan keperluan dan kebajikan keluarganya. (Al-Qaradhawi:1992).

Ini bermakna Islam mewajibkan lelaki bekerja kerana dia perlu menunaikan nafkah kepada isteri dan anak-anak. Firman Allah swt:

وَالْوَلِدُتُ يُرْضِعُنَّ أَوْلَادَهُنَّ حَوْيَنَ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُئْمِنَ الْرَّضَاعَةَ وَعَلَى الْمُؤْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ
وَكِسْوَهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Terjemahan: Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. (al-Baqarah 2:233)

Manakala wanita diharuskan bekerja selagi mana pekerjaan itu tidak bercanggah dengan syariat Islam dan memelihara maruah dirinya. Firman Allah SWT dalam hal ini boleh dilihat seperti berikut:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَى وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيهِ حَيَاةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ
مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Terjemahan: Sesiapa yang beramal soleh, dari lelaki atau perempuan, sedang ia beriman, maka sesungguhnya Kami akan menghidupkan dia dengan kehidupan yang baik; dan sesungguhnya kami akan membalaas mereka, dengan memberikan pahala yang lebih dari apa yang mereka telah kerjakan. (an-Nahl, 16 :97)

Dr Wahbah Zuhaili ketika menafsirkan ayat ini mengatakan Islam tidak membezakan lelaki dan wanita dalam isu pekerjaan malah memberi peluang bekerja selagi mana menepati syariat dan keterbatasan seseorang individu. Hal ini menunjukkan Islam memberi kedudukan yang mulia kepada mereka yang berusaha dengan tulang keringat sendiri sama ada lelaki maupun wanita dan pekerjaan itu hendaklah bersesuaian dengan tanggungjawab masing-masing dan hendaklah dalam ruang lingkup membuat kebaikan yang mana hati dalam keadaan beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW (Az-Zuhaili: 1422H).

Namun begitu, walaupun dalam keharusan syarak memberi kelonggaran kepada wanita untuk bekerja, seseorang wanita itu haruslah mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan oleh *syara'* ketika mana mereka berada di luar rumah. Al-Qaradhwai dalam kitabnya Fatwa Mu'asirah ada menerangkan prinsip-prinsip tersebut, antaranya ialah:

1. Pekerjaan yang dilakukan itu perlulah dibenarkan oleh *syara'* iaitu tidak haram dan tidak cenderung ke arah haram. Umpamanya wanita yang bekerja sebagai orang gaji kepada lelaki bujang, setiausaha khas kepada majikan yang memerlukan mereka berdua-duaan, bermusafir

jauh tanpa mahram yang menyebabkan perlu bermalam seorang diri di negara Barat, atau keadaan-keadaan lain yang diharamkan kepada wanita.

2. Hendaklah menjaga adab sebagai seorang Muslimah ketika mana keluar dari rumah. Contohnya menjaga penampilan diri, gaya berjalan, pergerakan dan pertuturan. Dalam Surah an-nur, Allah SWT ada menerangkan perihal ini, firman Allah SWT:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَخْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ
زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا

Terjemahan: Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya. (an-Nur, 24 :31)

3. Tidak mengabaikan tanggungjawab dan pekerjaan wanita yang lain, contohnya seperti tanggungjawab atas terhadap rumah tangga iaitu menjaga kewajipan suami dan anak-anak. Hal ini kerana wanita berkerjaya haruslah memahami tugas hakikinya adalah sebagai isteri kepada suami dan ibu kepada anak-anak yang mana masih memerlukan perhatian sepenuhnya untuk hal-hal kewajipan mahupun keperluan (Al-Qaradhawi:1992).

Oleh hal demikian, wanita diharuskan untuk keluar bekerja selagi mana ia tidak menyalahi *syara'* dan sentiasa menjaga tanggungjawab dalam alam rumah tangga di samping memelihara syarat dan adab sebagai seorang Muslimah ketika keluar bekerja.

Sehubungan itu, peranan dan keududukan wanita juga boleh dilihat dalam sudut berikut:

1. Menuntut ilmu sepanjang hayat

Islam memandang tinggi kedudukan dan darjah orang yang berilmu. Proses urbanisasi pada hari ini menuntut seseorang wanita itu untuk sentiasa menuntut ilmu, lebih-lebih lagi jika berada dalam dunia profesional yang meletakkan wanita sentiasa berdaya saing dan komited dalam aspek fizikal, mental dan spiritual (Naemah Hamzah:2015). Oleh hal demikian, menuntut ilmu sentiasa menjadi asas dan akar utama dalam pembinaan generasi Muslim. Sabda baginda Nabi SAW:

عن أبي الدرداء -رضي الله عنه- عن النبي -صلى الله عليه وسلم- قال: وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ.

Terjemahan: Barangsiapa yang menempuh suatu jalan untuk menuntut ilmu maka akan Allah mudahkan baginya jalan menuju syurga.

[Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb al-‘Ilm, Bāb al-Ilmu Qabl al-Qaul Wa Al-Amal*, no. hadis: 67]

Rasulullah SAW memberi galakan kepada umatnya agar menuntut ilmu kerana ia merupakan antara sebab untuk masuk ke syurga. Galakan ini adalah bersifat umum, wanita juga termasuk dalam dorongan ini.

2. Memahami tugas sebagai isteri dan ibu dalam institusi rumah tangga Wanita dimuliakan kedudukannya secara fitrah iaitu dengan adanya ikatan pernikahan yang sah dalam rumah tangga. Peranan dan sumbangannya dizahirkan dalam institusi kekeluargaan iaitu dengan memelihara maruah, harta, serta zuriat keturunannya selagi mana tidak bercanggah dengan Islam. Hal ini boleh dilihat dalam firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl ayat 72 yang berbunyi:

وَاللَّهُ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنفُسِكُمْ أَزْوَاجًا وَجَعَلَ لَكُم مِّنْ أَرْوَاحِكُمْ بَيْنَ وَحْدَةٍ وَرَقْبَةٍ مِّنَ الْأَطْيَبِاتِ أَفِي الْأَبْطَلِ يُؤْمِنُونَ وَيَنْعَمُتِ الْأَلْهَمُ هُمْ يَكُفُّرُونَ

Terjemahan : Dan Allah menjadikan bagi kamu dari diri kamu sendiri pasangan-pasangan (isteri), dan dijadikan bagi kamu dari pasangan kamu: anak-anak dan cucu-cicit, serta dikurniakan kepada kamu dari benda yang baik lagi halal; maka patutkah mereka (yang ingkar itu) percaya kepada perkara yang salah (penyembahan berhala), dan mereka kufur pula akan nikmat Allah?. (an-Nahl (16) :72)

Al-Quran dan hadis banyak menyebut peranan besar wanita sebagai isteri dan ibu dalam instisusi keluarga yang akan memberi kesan kepada masyarakat majmuk. Seseorang wanita yang tahu dan faham tanggungjawabnya dalam rumah tangga akan menguruskannya dengan baik di samping memberi pendidikan kepada anak-anak. Anak-anak dididik dan diasuh menurut acuan Islam agar mereka membesar dalam kalangan individu Muslim yang mapan (Ihamad et. al,2003).

3. Membantu sosio ekonomi keluarga

Dalam Islam, kewajipan memberi nafkah adalah terletak pada tanggungjawab suami. Terdapat banyak dalil dari Al-Quran dan hadis berkenaan urusan ini. Namun hal ini tidak menghalang para isteri untuk keluar mencari nafkah bagi meningkatkan ekonomi keluarga. Perubahan evolusi kemodenan terutama aspek sosio ekonomi (Naemah Hamzah:2015) dan peningkatan kos sara hidup menjadikan para wanita terpanggil ke hadapan untuk membantu ekonomi keluarga. Di samping itu, wanita turut memilih untuk berjaya demi jaminan kehidupan masa tua seperti kemudahan pencen bagi pekerjaan di sektor awam (Nur Alia, 2020).

4. Perubahan sosial

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam tempoh 2010 hingga 2017, Peratusan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) daripada kalangan wanita meningkat dari 45.5 % kepada 53.5 %. Ini menunjukkan keterlibatan wanita dalam sektor kerjaya semakin tinggi dan mendapat tempat. Dalam sektor awam, terdapat sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat Pembuat Keputusan, manakala sebanyak 27 % daripada ahli lembaga pengarah di syarikat swasta adalah dari kalangan wanita. Selain itu, dari sudut penguasaan politik pula, wanita menguasai 14.4% kerusi di Parlimen manakala wanita dalam Jemaah Menteri adalah sebanyak 17.9% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

Statistik ini jelas menunjukkan keterlibatan wanita dalam dunia kerjaya semakin pesat dan memberi satu impak yang besar kepada sektor ekonomi khususnya mahupun sektor-sektor lain umumnya. Tambahan pula, dengan wujudnya Dasar Wanita Negara (DWN) pada tahun 1989, ia menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk mengoptimalkan potensi kaum wanita dalam pembangunan negara (Tiara, 2020).

4. Dapatkan Kajian

Perbincangan dalam bahagian ini mengandungi laporan dan maklum balas dari lima orang yang terlibat secara langsung dalam kajian ini. Lima informan berkenaan ialah; [Pertama] Dr Haji Nazmi bin Haji Ghazali Azmi (Informan A) yang merupakan Pengarah Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik (SPARK) dan juga merupakan antara pencetus idea konsep UMI di Kelantan. Kemudian empat orang dari agensi berlainan yang dipilih dari pegawai yang menyandang ‘Anugerah Perkhidmatan Cemerlang iaitu; [Kedua] Raimi Iziana Binti Abdullah iaitu Penolong Pegawai Teknologi Makanan, [Ketiga] Pn.Siti Nurhajartun Akmal bt Mohammad dari Urus Setia

Kebajikan, Pembangunan Keluarga & Wanita Negeri Kelantan, [Keempat] Farizan Ahmad Nazir dari Perbadanan Pembangunan Ladang Rakyat Negeri Kelantan (PPLRNK) dan [Kelima] pegawai dari Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan. Laporan hasil temu bual ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; [Pertama] Maklum balas tentang perkembangan prinsip UMI di Kelantan; [Kedua] Maklum balas tentang wanita berkerjaya dan hubungannya dengan prinsip UMI.

4.1 Maklum Balas Bahagian A: Perkembangan Prinsip UMI di Kelantan

Berdasarkan pengalaman dan penelitian Informan A sebagai salah seorang pegawai tinggi di agensi Kerajaan Negeri Kelantan, prinsip UMI ini ditubuhkan oleh kerajaan Kelantan pada tahun 1991. Ia merupakan antara perkara yang terkandung dalam pekeliling kerajaan apabila kerajaan PAS mengambil alih tampuk pemerintahan di Kelantan. Ketika itu kerajaan menubuhkan satu dasar sebagai tapak dan panduan pemerintahan Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Dasar Membangun Bersama Islam (MBI) dan prinsip UMI yang mengandungi elemen ‘Ubudiyah Mas’uliyah dan Itqan ini diperkenalkan sebagai program Islamisasi dalam pentadbiran dan pemerintah. Ketiga-tiga elemen ini dijanakan kepada semua penjawat awam kerajaan negeri secara khususnya dan kepada seluruh rakyat Kelantan amnya.

Kemudian menurut Informan A, melalui pemerintahan dan pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Bentara Kanan, Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob, prinsip UMI ini dirakyatkan kepada seluruh kerajaan negeri Kelantan agar dapat diimplementasi oleh rakyat jelata. Hal ini menjadikan dasar dimasyhurkan kepada ‘Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam’.

Antara cara pelaksanaan prinsip UMI dalam pelbagai agensi adalah seperti berikut:

1. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), program diadakan di Dewan Teratai pada setiap hari Khamis. Kehadiran dibuat secara penggiliran agar pejabat tidak dibiarkan kosong tanpa pegawai. Hal ini untuk memastikan semua pegawai hadir dan mengikuti program yang dijalankan.
2. Peringkat agensi lain pula, program UMI mengikut kesesuaian keadaan dan jadual di agensi masing-masing.
3. Penceramah pula adalah di kalangan pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) atau jabatan agama.
4. Manakala dari sudut modul, ia menggunakan modul yang telah diselaraskan oleh penggubal prinsip UMI.

Menurut Informan A juga, pelaksanaan program UMI ini akan dinilai untuk melihat sejauh mana keberkesanannya dalam agensi-agensi yang terlibat. Antara cara penilaian yang dilakukan adalah dengan melaksanakan penilaian kefahaman kepada pegawai pengurusan tertinggi dan kerani. Soalan-soalan berkaitan dengan kefahaman prinsip UMI akan ditanya secara rawak. Hal ini untuk memastikan prinsip UMI dapat difahami dan dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Prinsip UMI diaplikasikan agar menjadi tapak dan dasar kepada para pegawai. Dari sudut berkenaan dengan wanita berkerjaya, banyak dasar atau perlumbagaan diterapkan dalam prinsip UMI. Contohnya yang berkaitan dengan penjagaan hak-hak wanita, kebajikan wanita, cuti bersalin, dasar untuk memastikan bekerja sebagai ibadat dan sebagainya.

4.2 Maklum Balas Bahagian B: Maklum balas tentang Wanita Kerjaya dan Hubungannya dengan Prinsip UMI (Informan B,C,D,E)

Maklum balas para informan yang berkenaan dengan wanita kerjaya dan hubungan dengan prinsip UMI dapat disimpulkan melalui 5 perkara penting berikut:

4.2.1 Faktor Pendorong Kejayaan Wanita dalam Kerjaya

Berikut merupakan faktor pendorong kepada wanita berkerjaya dalam menempa nama sebagai penerima ‘Anugerah Perkhidmatan Cemerlang’ iaitu seperti berikut:

a) Suami

Pendorong utama wanita berkerjaya untuk terus mengekalkan prestasi mereka adalah semestinya para suami. Perkara ini disokong oleh Informan B,C dan D yang mana mereka mendapat sokongan yang penuh dari para suami untuk terus tekun dan bersemangat sebagai wanita berkerjaya. Contohnya Informan B mengatakan suaminya berkorban menukar tempat kerjaya iaitu pulang ke negeri isterinya bekerja. Hal ini merupakan satu keputusan dan pengorbanan yang besar untuk berhijrah demi memberi galakan dan sokongan kepada para isteri.

Begini jua bagi Informan C dan E yang mana masing-masing membahagikan kerja dan tugas antara suami dan isteri untuk meringankan beban dan memudahkan urusan keluarga dan kerjaya lebih-lebih lagi jika ada yang terpaksa bekerja pada waktu cuti hujung minggu. Informan B merancang sebaiknya jadual kerja terutamanya jika terpaksa bergerak di luar kawasan, maka sistem penggiliran perlu

diwujudkan untuk mengekalkan kelangsungan penjagaan anak-anak mahupun kelangsungan perihal gerak kerja di pejabat.

b) Ibu bapa

Peranan ibubapa juga tidak kurang pentingnya dalam memberi galakan dan dorongan kepada kerjaya seseorang wanita. Informan B mengatakan bahawa kejayaan yang beliau kecapi adalah hasil doa ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan kepadanya. Faktor tinggal bersama ibu bapa atau tinggal berdekatan juga menjadi pendorong untuk wanita berkerjaya iaitu dengan adanya ibubapa untuk menjaga anak-anak jika mereka ada tugas atau kerja yang perlu diselesaikan dengan segera pada hujung minggu (Informan B dan C).

c) Ahli keluarga

Ahli keluarga juga memainkan peranan penting dalam membantu wanita berkerjaya untuk terus bersemangat dan tekun dalam kerjaya. Contohnya: “Alhamdulillah kita ada sokongan pihak ketiga, anak-anak keluarga jaga. Ada mak, mak sedara tolong jaga. Kadang dia datang duduk di rumah. Kita pun tak duduk jauh dari keluarga. Rumah pun dekat, 5 minit dari keluarga. Kita pun asal Kelantan, alhamdulillah tidak menghalang untuk bekerja” (Informan C, 2022).

d) Faktor-faktor lain

Terdapat juga faktor lain yang menjadi pendorong kejayaan bagi wanita berkerjaya yang mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Informan B menjelaskan gaji merupakan faktor beliau sentiasa bersemangat dalam berkerjaya. Hal ini disebabkan dengan adanya gaji yang lebih tinggi, beliau boleh memberi sumbangan yang banyak kepada ibubapa. Manakala Informan E pula memberitahu rakan sekerja merupakan antara pendorong semangat untuk beliau kekal bersemangat dan fokus dalam kerjaya. Hal ini disebabkan rakannya banyak memberi tunjuk ajar dan galakan untuk beliau terus bekerja dengan tekun.

4.2.2 Pembahagian Masa antara Kerjaya dan Urusan Peribadi (Keluarga dan lain-lain)

Dari sudut pembahagian masa antara kerjaya dan urusan peribadi pula, Informan B berpegang untuk tidak mencampuri hal kerja jika sudah berada di rumah. Namun jika keadaan memerlukan untuk menyelesaikan tugas kerja di rumah, beliau bertolak ansur untuk menyelesaikannya dengan kadar segera. Bagi Informan C pula, faktor pertolongan dari ahli keluarga

terdekat menjadikannya mampu fokus kerja dengan baik dan mampu membahagikan masa dengan baik antara kerjaya dan urusan peribadi.

Informan D mengatakan bahawa “jika kita fokus dan teliti gerak kerja dengan sebaiknya, kita mampu siapkan kerja di pejabat dan tidak perlu membawa pulang ke rumah. Hal rumah tangga pula adalah selepas jam 5 petang” katanya. Beliau mempersiapkan anak-anak dengan jadual yang padat agar mereka mampu berdisiplin dan fokus menyiapkan kerja sekolah pada waktu petang. Namun lain pula dengan pendapat Informan E. Beliau lebih gemar untuk pulang ke rumah setelah selesai tugasannya di pejabat walaupun sudah tamat waktu bekerja. Hal ini kerana beliau akan sentiasa berfikir dan tidak tenang jika tugasannya tidak dapat selesai pada waktunya.

4.2.3 Cabaran yang Dihadapi untuk Mencapai Kejayaan

Setiap informan menghadapi cabaran tersendiri untuk mencapai kejayaan masing-masing. Bagi Informan B, beliau mengatakan bahawa “setiap orang perlu tahu untuk menguasai cara tangani tekanan bekerja”. Katanya: “Bagi saya cabaran paling utama adalah bekerja dengan manusia. Sebab manusia banyak caranya” (Informan B, 2022). Beliau mengatakan untuk sentiasa patuh arahan majikan dan fokus pada tanggungjawab dan masalah masing-masing agar dapat hadapi cabaran dalam bekerja. Bagi Informan C pula, cabaran bekerja boleh diatasi dengan memberi kefahaman yang jelas terhadap bidang tugas masing-masing dan saling memahami gerak kerja walaupun peringkat atasan mahupun bawahan.

Sementara itu, bagi Informan D, cabaran terbesar untuk wanita berkerjaya adalah dari diri sendiri. Beliau memberi panduan untuk sentiasa fokus dan tidak memikirkan perihal orang lain dan mengikuti aktiviti yang menyeronokkan jika merasa bosan dengan gerak kerja yang sama. Bagi Informan D, kekangan tiada komputer riba di rumah menyebabkan beliau mengambil inisiatif dengan menyiapkan tugasannya yang diberi. Pada waktu pandemik baru-baru ini, beliau datang ke pejabat jika ada urusan berkenaan dengan mesyuarat secara langsung atau tugasannya yang perlu disiapkan segera.

Tekanan kerja merupakan antara cabaran besar untuk wanita kerjaya kerana mereka bukan sahaja berperanan sebagai isteri dan ibu tetapi dalam masa yang sama mempunyai tanggungjawab terhadap kerjaya dan kehidupan sosial. Tekanan yang dihadapi biarpun kecil atau besar perlu diatasi dengan segera dan berkesan agar tidak menjelaskan kesejahteraan jiwa dan keluarga (Salasiah Hanin Hamjah & ‘Adawiyah Ismail, 2013).

4.2.4 Kefahaman Memahami Prinsip UMI

Dalam sudut kefahaman prinsip UMI, semua informan memahami dengan jelas prinsip UMI yang diterapkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. UMI

adalah merangkumi kerja kita sebagai ibadah, tanggungjawab dan tekun. Asasnya adalah niat iaitu buat kerja kerana Allah SWT dan mengikut landasan yang telah diberikan oleh agama serta ikhlas dalam melakukan gerak kerja. Malah kesemua Informan memahami dan mengetahui prinsip UMI berkaitan dengan ‘Ubudiyah, Mas’uliyah, dan Itqan dan mampu kaitkan dengan kerjaya mereka. (Informan B, C, D dan E).

4.2.5 Pelaksanaan Prinsip UMI di Agensi

Prinsip UMI disambut malah diterima pakai dengan baik oleh semua agensi. Setiap agensi istiqamah dalam melaksanakan program-program yang berteraskan prinsip UMI. Menurut Informan D, prinsip UMI dilihat sebagai satu ‘penjenamaan semula’ kerana sebelum prinsip ini diserap, agensinya telah pun mengadakan program sedemikian rupa seperti program tazkirah, ceramah dan sebagainya (Informan D). kesemua Informan bersetuju dengan mengatakan kedatangan prinsip UMI ini menjadikan program sedemikian ditambah baik malah diserap menjadi satu program mingguan dalam kalendar agensi masing-masing. Contohnya seperti pengisian bermodul dan penceramah pula adalah jemputan dari luar agensi bukan dari pegawai di agensi itu sendiri. Penambahbaikan ini dilihat sebagai satu kesungguhan sektor pentadbiran dan pemerintahan di Kelantan untuk menjadikan konsep ini realistik dan boleh dipakai untuk mana-mana pentadbiran dan pemerintahan. Hal ini bertepatan dengan dasar pemerintahan negeri Kelantan iaitu ‘Membangun Bersama Islam’, yang mana kemudian dirakyatkan dasar ini menjadi ‘Merakyatkan Membangun Bersama Islam’.

4.2.6 Hubungan antara Prinsip UMI dengan Wanita Berkerjaya

Prinsip UMI menjadikan seseorang wanita itu lebih amanah dan bertanggungjawab. Keperluan berada dalam kumpulan sangat perlu kerana tugasan tidak akan selesai jika kita melakukan dengan berseorangan (Informan C, 2022). Bagi Informan B pula prinsip UMI adalah suatu prinsip yang kebanyakannya pegawai memahami keperluannya. Namun semuanya bergantung kepada diri masing-masing untuk melaksanakannya. Tambahnya, prinsip UMI ini menjadikannya sentiasa perbaharui niat ketika bekerja malah program-program yang diadakan menjadi santapan rohani untuk peringatan sehari-harian. Hal ini disokong oleh Informan D yang mengatakan program seperti ‘tazkirah’ setiap minggu itu adalah peringatan sentiasa walaupun benda sama agar tidak tersasar dari jalan yang benar. Bagi Informan E pula, beliau mengatakan waktu kerja yang beliau tambah kerana untuk menyiapkan kerja adalah dibuat dengan ikhlas dan ibadah dengan tidak mengharapkan balasan. Begitulah kefahaman

yang dibawa dan terkesan kepada pelaksanaan tugas masing-masing. Kesemuanya bersetuju agar prinsip ini diteruskan dalam agensi masing-masing (Informan B,C, D dan E, 2022). Namun ada beberapa cadangan di pihak mereka. Antaranya Informan C mengatakan agar diwujudkan satu Jawatankuasa Audit untuk melihat bagaimana pelaksanaan di setiap agensi yang melaksanakan prinsip UMI. Bagi Informan D pula, beliau memberi cadangan supaya diadakan penguatkuasaan dari sudut pemakaian agar semua pegawai mematuhi garis panduan dalam berpakaian. Informan E pula memberi cadangan agar diadakan kuliah *fiqh* kepada pegawai wanita, dan juga aktiviti kebajikan untuk para pegawai.

4.3 Hubungan Antara Isu-Isu Wanita Berkerjaya dengan Prinsip UMI

Hasil penelitian menunjukkan bahawa semua Informan memahami dengan jelas pentadbiran dan pemerintahan yang dibawa oleh kerajaan Negeri Kelantan iaitu Membangun Bersama Islam, yang mana diterapkan prinsip UMI ke dalam sistem pentadbiran agensi masing-masing.

Kuliah-kuliah yang diadakan setiap minggu dijadikan sebagai santapan rohani dan peringatan kepada mereka untuk sentiasa menegur dan mengingatkan perkara-perkara baik antara satu sama lain. Kesibukan bekerja kadang menyebabkan masa terbatas untuk melakukan aktiviti sebegini. Hadirnya prinsip UMI dengan program-program sebegini menjadikan para pegawai sentiasa dalam keadaan berpesan-pesan kepada kebaikan. Hal ini sejajar dengan nilai ‘Ubudiyah yang menekankan sifat manusia sebagai hamba kepada Allah yang mana setiap perbuatan dan pekerjaan seharian manusia hendaklah selari dengan syariat yang diturunkan oleh Allah (Manual Audit UMI, 2020)

Dari sudut pemahaman hukum wanita berkerjaya, semua Informan mengetahui dan memahami tuntutan sebagai seorang pegawai Muslimah iaitu dengan sentiasa menjaga maruah diri, percakapan, pergerakan mahupun batasan pergaulan. Malah rata-rata Informan menjelaskan peranan suami antara peranan dan sokongan besar dalam bidang kerjaya mereka. Hal ini bermaksud para wanita mendapat restu dan izin dari suami masing-masing untuk menjadi sebahagian dari penyumbang ekonomi keluarga. Ini bersesuaian dengan adanya Dasar Wanita Kelantan yang mengiktiraf peranan dan penglibatan wanita dalam proses pembangunan negeri. Keadaan ini juga seiring prinsip Islam yang mengharuskan wanita untuk keluar bekerja (Al-Qaradhawi,1992; Naemah,2015).

Selain itu, semua Informan bersetuju mengatakan sokongan penuh dari ahli keluarga terdekat antara faktor terbesar yang menyumbang kepada ketekunan dalam bekerja. Umpamanya jika ada hal-hal kecemasan seperti anak tidak sihat, atau hal-hal kecemasan yang lain. Sokongan yang padu ini membolehkan mereka lebih fokus dan bekerja dengan tenang. Perkara ini

disokong oleh (Siti Marziah Zakaria et. al, 2020) yang mengatakan tekanan dan kepenatan dalam mengurus rumah tangga dan kerjaya boleh diringankan dengan adanya orang terdekat prihatin dan mengambil peduli akan masalah mereka.

Penelitian dari segi cabaran dalam kerjaya, kekuatan jiwa dan matlamat yang jelas menjadikan mereka sentiasa tekun dalam melaksanakan tugas walaupun ada cabaran tersendiri. Menurut mereka, ia hadir melalui kuliah-kuliah dan program UMI yang dilaksanakan saban minggu yang menatijahkan tekanan kerja yang minima di samping majikan yang sentiasa memberi galakan dan panduan.

Selain itu, dari sudut pembahagian masa antara kerjaya dan urusan peribadi, semua Informan tidak menghadapi masalah dalam menguruskannya. Rata-rata membahagikan masa dengan sebaiknya antara urusan rumah tangga dan kerjaya. Justeru itu, pemilihan kerjaya yang sesuai menjadi antara faktor keberkesanan peranan wanita antara kerjaya dan rumah tangga (Parizi et.al:2021).

5. Kesimpulan

Setelah diteliti perbincangan di atas, kajian ini dapat menyimpulkan bahawa terdapat hubungan signifikan antara isu-isu wanita bekerjaya dengan pelaksanaan prinsip UMI di negeri Kelantan berdasarkan prinsip-prinsip yang disebut sebelum ini. Justeru itu, prinsip UMI ini dilihat sesuai untuk diterapkan dan dimanifestasikan ke dalam ses sebuah sektor pentadbiran khususnya mahupun pemerintahan amnya.

Sehubungan itu, kajian ini merumuskan bahawa kebanyakan informan bersetuju supaya penerapan prinsip UMI bertambah baik. Antaranya seperti memperketatkan lagi penguatkuasaan undang-undang dari sudut pemakaian, etika, integriti, akhlak dan seumpamanya. Kuliah-kuliah *fiqh* wanita juga dicadangkan supaya dimasukkan dalam modul pengisian ceramah di samping meneruskan modul yang sedia ada. Justeru berdasarkan kajian ini dilihat penting supaya prinsip ini berjaya diterapkan kepada wanita berkerjaya khususnya.

Rujukan

- Al-Quran Al-Karim, *Al-Quran Tajwid dan Terjemahan*, Humaira Publication Sdn Bhd.
- Al-Burnu, M. S. (t.t). *Mausu'ah Al-Qawaaid Al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Muassasah Al-Risalah. (2/115).
- Al-Qaradhwai, Y. (1992). *Fatawa Mu'asirah*. Kuwait: Darul Qalam. (2/304).
- Ariziq, B. L. (2022). Kedudukan dan Kondisi Wanita Sebelum dan Sesudah Datangnya Agama Islam. *Jurnal Keislaman*, 5(1), 1-12.
- Al-Zuhaili, W. (2001). *Al-Tafsir Al-Wasit Lizzuhaili*. Dimasyq: Darul Fikr. (Jil.2).
- Bakar, N. R. A. (2012). Wanita Bekerja Dan Pengurusan Keluarga. *Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7), 155-162.
- Hamjah, S. H., & Ismail, A. (2012). Kaedah Mengatasi Tekanan dalam Kalangan Wanita Berkerjaya dari Perspektif Al-Ghazali. *Al-Hikmah*, 4, 64-75.
- Hamzah, N., Mustari, M. I., & Basiron, B. (2015). Model Keseimbangan Kerjaya dan Rumah Tangga dalam kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. *Sains Humanika*, 4(1), 37-46. <https://doi.org/10.11113/sh.v4n1.417>
- Hamzah N., Mustari M. I., & Basiron B. (2013). Fiqh Sains Rumah Tangga Dan Kerjaya Wanita Cemerlang dalam Sektor Awam di Malaysia in Prosiding Seminar Pasca Siswazah Fakulti Tamadun Islam Kali Kedua 2013 (Proceedings of the Second Graduate Seminar Faculty of Islamic Civilization 2013) at Main Hall, Faculty of Islamic Civilization on 18-19 Disember 2013, pp. 106-124. ISBN: 978-967-0194-31-8.
- Hassan, M. P., Ihwani, S. S., & Mustaffa, Z. (2021). Pemilihan Kerjaya Seorang Wanita Menurut Perspektif Islam. *Jurnal 'Ulwan*, 6(2), 144-154.
- Idris, M., Zakaria, W. F. A. W., Long, A. S., & Salleh, N. (2019). Kualiti Kerja Dalam Organisasi: Tinjauan Dari Perspektif Pengurusan Islam. *International Journal of Islamic Thought*, 15, 60-70.
- Ihamad, N. R., & Ahmad, S. (2003). *Peranan wanita bekerjaya dalam pembentukan keluarga Muslim: Satu kajian terhadap pensyarah PPIPS dan Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai* (Tesis kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia).
- Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia. (2021). *Infografik membangun bersama Islam: 'Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan*. Kelantan: IPTG.
- Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia. (2021). *Asas Memahami Membangun Bersama Islam (MBI) dan 'Ubudiyah, Mas'uliyyah dan Itqan (UMI)*. Kelantan: Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia.
- Ismail, A., & Hamjah, S. H. (2012). Kefahaman Terhadap Kedudukan Wanita Berkerjaya Menurut Islam. *Al-Hikmah*, 4, 3-14.
- Ismail, S. H. S. (2002). Kepimpinan Wanita dalam Politik dari Perspektif Siyasah Syar'iyyah. *Jurnal Syariah*, 10(2), 109-122.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Siri ke 37*.
- Kerajaan Negeri Kelantan. (2013). *Kod etika anggota perkhidmatan awam negeri Kelantan*.
- Institut Latihan Perguruan Kelantan. (2018). *Manual MBI (Membangun Bersama Islam) dalam profesionalisme keguruan*. Kelantan: ILPK.
- Mohamad, S., Adnan, M. A. M., & Hussin, S. A. S. (2011). Analisis pengaruh politik Islam di negeri Kelantan terhadap gaya hidup masyarakat di Malaysia. 33(1).
- Musa, N. (2015). Penerapan Konsep Mas'uliyyah dan Amanah dalam Pentadbiran Awam ke Arah Bersih Rasuah - Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI). *Jurnal Keputeraan*. Jilid, 3.
- Mustari, M. I., Basiron, B., & Hamzah, N. (2015). Model keseimbangan kerjaya dan rumah tangga dalam kalangan wanita cemerlang sektor awam. *Jurnal Sains Humanika*, 4(1), 37-46. ISSN 2289-6996.

- Sharifuddin, N. A. B. & Abdullah, B. (2020). Wanita dan Pemilihan Kerjaya di Sektor Awam.
- Sabbar, K. (1992). *Al-Islam wa al-Mar'ah: Waqi' wa Afaq*. Al-Dar al-Abide: Ifriqya al-Sharq.
- Walian, A. W. (2012). Konsepsi Islam tentang kerja: Rekonstruksi terhadap pemahaman kerja seorang Muslim. *An-Nisa'a*, 7(1), 65–80.
- Zakaria, S. M., Ebrahim, M. I., & Rahmat, H. (2020). Boleh tolong saya? Meneroka sokongan sosial yang diperlukan oleh wanita berkerjaya bagi meningkatkan kesejahteraan emosi. *e-Bangi*, 17(3), 1–13.